

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN ABDULLAH (PETALING
JAYA)**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menangani isu kanak-kanak dalam tahanan imigresen, termasuk status implementasi projek Alternatives To Detention (ATD) yang telah dipersetujui oleh Menteri KPWKM dan Menteri KDN.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) komited dalam memastikan kebajikan dan keselamatan semua tahanan depot imigresen termasuk kanak-kanak. Sehingga 11 Oktober 2021, terdapat 1,475 orang (7.5%) tahanan kanak-kanak daripada keseluruhan 19,722 orang tahanan di semua depot imigresen dan depot imigresen sementara di seluruh negara.

Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu ini termasuk cabaran perkembangan kesihatan minda kanak-kanak dalam tahanan imigresen adalah melalui pelaksanaan projek rintis *Alternative to Detention (ATD)* bagi kanak-kanak tanpa penjaga dan terpisah yang diterajui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Projek rintis ATD yang dicadangkan untuk pelaksanaan di Malaysia merupakan satu penjagaan alternatif kepada kanak-kanak terpisah dan tanpa penjaga (*unaccompanied and separated*) di depot imigresen di mana kanak-kanak tersebut akan mendapat perlindungan dan perkhidmatan sokongan melalui pemeliharaan berasaskan keluarga untuk memenuhi keperluan asas seorang kanak-kanak.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyediakan prosedur operasi standard bagi pelaksanaan projek rintis ini dan Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia komited dalam memberikan kerjasama bagi memastikan kelancarannya.